

UMS bina pusat kitar semula 'bangunan hijau'

BT 16-1-2014

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membangunkan pusat kitar semula berasaskan 'bangunan hijau' dalam masa terdekat.

Naib Canselornya, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah, berkata pusat kitar semula itu akan menjadi mercu tanda kejayaan universiti berkenaan dalam usaha memelihara alam sekitar, selain menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini melaksanakan konsep 'Kampus Eko'.

"Tapak bagi membina pusat kitar semula ini sudah dikenal pasti dan giat dibersihkan bagi tujuan itu. Ia dijang-

ka siap dalam tempoh beberapa bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjanjian persefahaman (MoU) UMS dengan Hattareka Perunding Sdn Bhd di sini, semalam.

Dibiayai Hattareka

Prof Mohd Harun berkata, pusat kitar semula itu adalah satu daripada projek penting yang akan dibiayai sepenuhnya Hattareka Perunding Sdn Bhd dan kemudahan terbabit akan menempatkan bahan terbuang dari pejabat dalam kampus.

Katanya, kawasan pusat kitar semula berkenaan akan



Mohd Harun (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman dengan Hamidon di UMS, semalam.

dibina dengan elemen keunikan alam sekitar.

Diberi berperingkat

Sementara itu, Pengarah Urusan Hattareka Perunding Sdn Bhd, Hamidon Mohd Ali, berkata pusat berkenaan akan di-

bina secara berperingkat dan sebagai permulaan, ia akan dibina di tapak seluas 700 kaki persegi.

"Sebagai permulaan, ia akan mempunyai bilik pameran dan tempat pengumpulan barang," katanya. **BERNAMA**